

**BERTAUBAT**  
**Chedet.co.cc**  
**January 09, 2013**  
**By Tun Dr. Mahathir Mohamad**

***Artikel ini telah disiarkan di dalam akhbar Mingguan Malaysia pada 6 Januari, 2013.***

1. Harun Din, pemimpin PAS menyuruh saya bertaubat kerana saya telah berkata dalam bahasa Inggeris "Better the devil you know than the angel you don't".
2. Mungkin kerana Harun Din tidak mahir dengan loghat pepatah Inggeris maka ia fikir ini bermakna saya sanggup bersama dengan syaitan. Makna sebenarnya pepatah ini ialah "lebih baik orang yang dikenali daripada orang yang tidak dikenali".
3. Kalau Harun Din fikir saya bermaksud lebih baik saya bersama syaitan yang saya kenal daripada malaikat yang saya tidak kenal dan ini salah di sisi agama, maka dia bolehlah suruh saya bertaubat. Tak apalah.
4. Tetapi pada 24 Januari 1999, Nik Aziz berkata dengan jelas dalam bahasa Melayu yang saya yakin Harun Din tentu faham yang berbunyi seperti berikut, "siapa yang nak tolong Kerajaan Islam, kami sebagai pemimpin Islam mesti terima samada DAP, MCA dan MIC. Kalau nak tolong mengapa kita tolak. Jika DAP ikhlas nak tolong PAS saya terima. Usahkan DAP, syaitan pun boleh saya terima".
5. Amat jelas dengan ini Nik Aziz sanggup terima pertolongan syaitan pun untuk Kerajaan Islamnya. Demikian pendirian Nik Aziz kerana kononnya begitu kuat perjuangannya untuk mendirikan Kerajaan Islam? Apakah jenis Kerajaan Islam hasil dari pertolongan syaitan sama-samalah kita fikir.
6. Harun Din nampaknya terima Kerajaan Islam yang didirikan dengan pertolongan syaitan. Sebab itu Harun Din tidak menegur Nik Aziz jauh sekali dari menuntut supaya ia bertaubat.
7. Saya tidak akan bertaubat kerana salahfaham Harun Din berkenaan dengan apa yang telah saya katakan. Sepatutnya Harun Din meminta maaf dari saya kerana salah fahamnya tentang apa yang saya perkatakan dalam Bahasa Inggeris. Dan saya akan maafkannya kerana manusia memang lemah dan tidak pernah bebas dari membuat kesalahan.
8. Orang Islam di Malaysia sebenarnya bernasib baik kerana kita semua menganggotai mazhab yang sama, iaitu kita dari mazhab Sunni yang berimam

dengan Imam Shafie. Kita tidak sepatutnya berpecah seperti orang Islam di sesetengah negara Islam lain yang berpecah kepada Sunni dan Syiah dan sering bermusuh dan membunuh sesama mereka.

9. Malangnya persahabatan dan perpaduan orang Melayu Islam di Malaysia ini ditamatkan apabila Parti PAS ditubuh. Dalam keghairahan PAS untuk mendapat undi orang Melayu di Malaysia mereka sengaja menyalah tafsir agama Islam dan membuat dakwaan bahawa mereka sahaja yang Islam sehingga orang Melayu berpecah dan bermusuh sesama mereka.

10. Tuduhan yang pertama ialah orang UMNO kafir kerana mereka bekerjasama dengan orang kafir. Saya tidak percaya ada orang Melayu yang terima dakwaan ini. Ia tidak dibuat dengan cara yang mengikuti kehendak agama Islam. Tetapi rupa-rupanya tuduhan ini begitu berkesan sehingga berlaku sembahyang dua imam kerana kononnya imam orang yang tidak sokong PAS kafir, perkahwinan semula orang Melayu yang berkahwin sebelum PAS ditubuh, perkuburan berasingan bagi orang PAS kerana ibu bapa mereka sendiri yang dikebumikan di kubur lama dan orang UMNO tidak Islam, penolakan sembahyang jenazah orang UMNO dan penceraiian serta perpecahan dalam keluarga kerana fahaman politik yang berbeza.

11. Kemudian Hj Hadi menokotambah kepada perpecahan orang Melayu Islam dengan amanatnya. Hj Hadi mendakwa bahawa PAS menentang UMNO bukan kerana namanya UMNO tetapi kerana kononnya mengekalkan perlembagaan penjajah, kerana kononnya UMNO mengatakan politik suku agama suku.

12. Sesungguhnya perlembagaan itulah yang memberi kebebasan bersuara, berparti dan berpolitik kepada PAS. Dikebanyakan negara yang diakui negara Islam tidak ada kebebasan seperti ini. Sepatutnya PAS menolak semua kebebasan ini. Tetapi sebaliknya PAS menggunakannya untuk memfitnah dan mengkafirkan orang UMNO. Islam menyuruh orang Islam setia kepada Allah, Rasul dan ulil amri, iaitu pemerintah. PAS sebenarnya tidak setia kepada ulil amri.

13. UMNO tidak pernah berkata politik suku agama suku. UMNO berpegang kepada ajaran bahawa Islam adalah Ad-deen, cara hidup. Cara hidup memang termasuk politik. Sebab itu UMNO berjuang untuk agama, bangsa dan tanah air. Habbul watan minnal iman.

14. Sebaliknya PAS sekarang menerima pemimpin orang kafir yang secara terbuka menolak negara Islam PAS serta pemimpin Pakatan yang percaya kepada kebebasan tanpa had serta pluralisme dalam agama dan kebebasan keluar dari agama Islam.

15. Tetapi UMNO tidak akan tuduh orang PAS sudah menjadi kafir. Selagi tidak ada dakwaan oleh tokoh-tokoh Islam yang tidak berkepentingan UMNO akan terima orang PAS sebagai orang Islam. Kita dalam UMNO masih ingin bersaudara dengan orang PAS seperti ditegaskan oleh agama Islam bahawa orang Islam itu adalah bersaudara. Perbezaan politik antara PAS dengan UMNO tidak bermakna pengasingan politik dari agama, atau agama suku politik suku. Perbezaan politik dikalangan orang Islam berlaku di mana-mana sahaja. Namun mereka semua masih Islam.

16. Tanpa bertaubat kerana berbagai kesalahannya disisi Islam, Nik Aziz telah memurtadkan tiga juta orang UMNO. Dakwaan ini dibuat olehnya tanpa usul periksa. Tidak ada kajian yang dibuat, samada secara ilmiah atau tidak. Ketidakadilan Nik Aziz jauh berbeza dari ajaran Islam yang menegas bahawa apabila kamu hukum, hukumlah dengan adil. Hakim tidak boleh terdiri dari orang yang teribat dan berpentingan. Memurtadkan orang UMNO adalah satu ketidakadilan disisi agama Islam.

17. Tetapi, Alhamdulillah, sudah ramai pemimpin dan ahli PAS yang sedar tentang kesalahan PAS dan pemimpinnya dari segi Islam. Mereka telah tidak lagi taksud dengan nama Islam yang diberi kepada Parti PAS. Mereka sedar PAS bukan berjuang untuk Islam. PAS hanya ingin memperalatkan Islam untuk kepentingan politik duniawi pemimpin-pemimpinnya.

18. Mereka yang keluar dari PAS ini berpeluang untuk benar-benar berjuang untuk agama Islam, berjuang untuk mengembangkan ajaran Islam yang sebenar, terutamanya untuk persaudaraan dalam Islam, tentang berpegang kepada tali Allah dan jangan bercerai-berai.

19. Saya tidak akan suruh Harun Din bertaubat. Tetapi Harun Din harus tanya hati kecilnya samada dia didorong oleh agama atau politik duniawi apabila menyuruh saya bertaubat dan tidak Nik Aziz.

## 18 Comments

1. *tuan tanah*

January 10, 2013 at 1:04 PM | [Permalink](#)

Salam TUN.

Antara banyak perbezaan anantara UMNO dan PAS adalah ,  
UMNO tidak pernah menudoh PAS kafir.  
Tetapi PAS menudoh UMNO kafir berulang kali.

PAS mendoakan kehancuran UMNO.  
Tak pernah saya dengar UMNO doakan PAS supaya hancur.

Dalam Barisan Nasional Umno jadi ketua serta memimpin parti2 komponen nya.  
Dalam Pakatan Rakyat PAS hanya jadi pengikut kepada DAP yang di terajui oleh bukan Muslim.  
Sudah terbukti PAS saperti Lembu di cucok hidung dalam Pakatan Rakyat.  
Sudah terang masih nak bersuloh lagi ke???

Terima Kasih TUN.

## 2. F.A.H

January 10, 2013 at 12:13 PM | [Permalink](#)

Salam Tun yang dikasihi..

Harun Din tidak akan menegur apa yang Nik Aziz buat..Bagi Harun Din dan juga pengikut-pengikut Pas, sebahagian dari mereka percaya bahawa Nik Aziz adalah maksum..Segala apa yang Nik Aziz lakukan adalah betul dan mulia di mata mereka..Sebab itulah Nik Aziz dengan senang hati menghukum dan mengkafirkan orang-orang muslim menurut pendapatnya sendiri..Rata-rata pengikut Pas terlalu taksub dengan Nik Aziz sehingga sanggup meragui kebenaran Al-Quran dan Al-Hadith..Mereka percaya sesiapa yang menyertai Pas dan menyokong Nik Aziz dijamin masuk syurga dan begitulah sebaliknya..Bagi mereka pendapat Nik Aziz adalah sumber utama di sisi mereka..Kalau difikirkan balik, Pas dan syiah tidak jauh bezanya..

Untuk Age Of Enlightenment..Menulis biar pakai akal jangan ikut perasaan..Sistem pendidikan di negara kita tidak ada masalah..Masalahnya ialah kita MALAS,MALAS dan MALAS..Mereka yang berfikiran macam Age Of Enlightenment inilah yang hanya pandai merungut,pandai menghasut dan pandai berborak inilah yang menghancurkan Malaysia..Hanya nak mengharapkan bantuan..

Bersyukurlah dengan apa yang kita kecapai hari ini..Hari ini lebih baik dari semalam, hari esok belum tentu lebih baik dari hari ini..

Terima kasih..

\*\*\*Semoga Allah S.W.T panjangkan umur Tun..\*\*\*

## 3. khalid9164

January 10, 2013 at 11:09 AM | [Permalink](#)

Assalam Tun

Saya ingin memberi sedikit komen sebagai insan kerdil kepada pemimpin tersohor. Saya yakin kita umat islam yang bertuhankan ALLAH yang MAHA ESA perlu mencari titik penyatuan bukan mencari perbezaan. UMNO dan PAS bukanlah islam cuma sebagai "vehicle" perjuangan dan masing-masing tidak

sempurna kecuali islam yang telah diperakui oleh ALLAH sendiri dalam surah Al-Maidah. Siapa-siapa pun tidak wajar taksub kepada parti. Bila Tun bercakap tentang ketaksuban orang-orang PAS terhadap parti dan pemimpin, dengan sendirinya Tun juga menyatakan ketaksuban terhadap UMNO. Ini tidak akan membawa apa-apa kebaikan. Bersatulah kita umat islam dan berpegang teguhlah dengan tali ALLAH, jika kita berbalah, berbaliklah, rujuklah kita kepada Al-Quran. Hj Hadi tak sempurna, Nik Aziz tak sempurna dan saya serta Tun sendiri pun tak sempurna. Terlalu banyak isu dan masalah orang islam di Malaysia hari ini kerana kita telah banyak mempolitikkan agama, sama saja baik UMNO atau PAS. Hari-hari kita disarankan bertaubat malah Rasulullah yang Maksom sendiri bertaubat 70 kali sehari. Tujuan kita hidup di dunia hanya semata-mata untuk mengabdikan diri kepada ALLAH, menjadi Khalifah di mukabumi ini dan memohon RahmatNya untuk kehidupan syurga yang abadi. JADI kita ambillah peluang ini untuk menyumbang apa yang termampu beribadat dalam konteks yang seluas-luasnya kepada ALLAH. Mengambil kesempatan ini untuk menyatukan umat islam. Contoh-contoh tauladan Rasulullah SAW terlalu banyak sudah di tunjukkan kepada kita. Fokuslah kepada kebaikan, walaupun sesorang itu hanya mempunyai 1% kebaikan, fokuskanlah kepada 1% itu dan berusaha serta berdoa supaya yang 1% itu boleh berubah menjadi 10%, 30%, dan seterusnya berlakulah "reversal" 99% kebaikan dan 1% keburukkan dengan izin ALLAH.

#### 4. *Tired*

January 10, 2013 at 11:06 AM | [Permalink](#)

Tun,

Tumpang lalu;

1. Sdr Sudin,

Bersabar! This is exactly what those antagonists would like you and mostly all of us on this Blog to behave; react to their antagonisms and then cry, "racism, chauvinism, etc., etc.!" Remember! Even Rasulullah (PBUH) has this kind of people around him including his own uncles and friends. I am not pious or literate in Al-Quran, but I believe there are many Surahs to describe these lots like in Al-Khafirun, Al-Baqarah, etc. We know what we want of this Country, for our children and their children's children. We've seen enough of what is happening with Afghanistan, Iraq, Egypt, Libya, North Yemen, North Nigeria, and Syria, for it to be happening here. I believe, it is now turn for DSN and his people "to stand-up and be counted!" You, I, and everyone else could only just hope and pray that our respective ONE VOTE would be enough to return us to normalcy...Otherwise, we shall await when that time comes! There won't be another "13 May", for if it happens; the reverse would be experienced, as we Malays mostly, besides having sagging balls, are also cowards unlike our predecessors....

2. The Hidden Secret,

I am sure Tun is aware fully, of the English Idiom where he said," "Better the devil

you know than the angel you don't" (sic); you are not the only one who is smart here, you know? What I believe he meant when he used "ANGEL" instead of "DEVIL" (as you had pointed out...) was a clear reference to PAS so-called "Ulamaks" (Who to me would be forever referred to as "Ulamaks Dalam Semaks!) who always claim and behave as though they are "ANGELS!" (At least, that was what I meant it when I posted mine on this Blog under "Change", and I am sure Tun did too, as he is much wiser and smarter than me!)

### 3. Fellow Bloggers,

I know this is going to be a tough measure to do but let us reflect for a while; ask ourselves what is it that we would want more from this life especially in this blessed country. If you were educated overseas, I am sure the answer would be easier; but if you have not been overseas, please visit any one country outside this blessed country. You could tell the difference almost immediately; no need to go far; just go to any of the neighbouring countries. And if you are Malay and Muslim, please remember where you came from! (Sorry, Kelantanese is an exception to this rule, and it is okay...) We have been brought up to be forever gratified with what we have and what we do not have! And we too have always been reminded to be thankful if we were given something to whomever who have given us that gift. But why are we changing our culture and value now? Is it because you are more liberated and educated than your parents? Who did you think were responsible for that? How much can you have? Where do you want to go? What do you want to do? Etc., etc., etc. I am pretty sure if you were to question those Afghanis, Iraqis, Egyptians, etc., if this was what they wanted, the answer would have been a clear, "No!"

Again, let me reiterate; I hate the BN Govt., for they could be better if they were less greedy, but I hate PKR, DAP, and PAS even more, as they would bring destruction to this beloved and blessed county of mine!

Thank you, Tun, for a bit lengthy posting. May Allah SWT continues to bless you with good health and of sound mind.

### 5. *amin tan*

January 10, 2013 at 10:14 AM | [Permalink](#)

Salam Tun,

Izinkan saya komen tulisan Age of Enlightenment, petikan sebagaimana di bawah,

""Oleh itu tumpuan kita orang Malaysia seharusnya kepada education. Orang agama, bangsawan dan politik telah menghancurkan system pelajaran di sekolah2 kita, sehingga peratus orang Malaysia yang betul2 berkebolehan telah turun mendadak, dan yang pandai kesemuanya telah berhijrah ke luar negara.

Hasil nya lepasan sekolah dan graduan local di Malaysia tidak laku langsung, tidak boleh melakukan kerja2 selidik dan reka bentuk yang effective untuk dunia zaman ini. Cuma berkebolehan bekerja di 7E dan McD.

Akibatnya, kita masih mundur, masih perlu impot barang2 dari luar, masih perlu belajar dari dunia luar. Tiada apa yang boleh kita ajar pada dunia luar, hanya segelintir kecil hasil R&D.

Jadi apa yang boleh kita banggakan ? Kesemua "bangga" yang di ajukan kerajaan hanya tipu helah belaka, masuk lif naik sendiri. Hakikatnya kita negara ASEAN yang jauh ketinggalan.

Hanya kerajaan PR yang baru dapat mula membetulkan keadaan ini, sebab kerajaan BN sekararang mati2 menafikan adanya masalah ini. Ia di panggil "bodoh sombong'."

Tuan Age Of Enlightenment,

Sudah2 lah menyamar sebagai seorang Islam tetapi mengata Islam and menyamar melayu tetapi menghina Melayu. Orang yang menyamar untuk melakukan perbuatan jahat dinamakan munafik. Anda selalu putar belit mengatakan Islam itu bagus tetapi penganut2 agama islam penipu. Ada masa pula Tuan mengaku Tuan tiada agama langsung. Tugas dan kerja utama Tuan ialah memecahbelahkan orang2 islam dan orang Melayu. Tulisan anda menggambarkan anda seorang Malaysia tetapi mendurhaka pada negara sebagaimana orang2 PKR digalakkan berbuat demikian. Anda juga memiliki kad AJK PKR cawangan Subang Jaya. Saya kenal pasti ada 2 orang lagi yang menggunakan nama samaran seangkatan dengan anda, selalu putar belit berniat menghasut dan menfitnah.

Kepada Saudara Sudin,

Terima kasih kerana menegur dan memberi amaran kepada pendurhaka dan penkhianat negara, Tuan Age Of Enlightenment.

amin tan

6. *sudin*

January 10, 2013 at 12:06 AM | [Permalink](#)

Salam Tun.

I wish to relay these strong words to Age\_of\_Enlightenment:

STOP ALTOGETHER TALKING ABOUT ISLAM!!!  
YOU BLATANT FOOLING OF OUR RELIGION IS GETTING TOO FAR!

YOU BELITTLED HJ. AMIN TAN'S UNBLEMISHED STATEMENT OF "TUHAN MAHA KAYA"  
BY SARCASTICALLY INFERRING,

"Ini dusta paling besar. Tidak pernah Allah menyampaikan bank statement kepada Amin Tan, tetapi dia kata Allah Maha Kaya....(sic)"

YOU MADE JOKE WHEN NAMING ABDULAZIZOMAR'S GROUP AS,  
"The right name or term perhaps should be anti-Mohamadian....(sic)"

YOU HAVE BEEN DISREGARDING OUR NUMEROUS WARNINGS TO YOU TO STOP INTERFERING WITH ISLAM DUE YOUR COMPLETE IGNORANCE OF THE RELIGION!!!

ENOUGH IS ENOUGH!!!!

I'm positive every Muslim that have read through your numerous postings share similar feeling towards you.

Please treat my words as stated in their full context!

7. [Farihan](#)

January 9, 2013 at 10:36 PM | [Permalink](#)

Kalimah ALLAH for ISLAM only.

8. *shahrulnizam*

January 9, 2013 at 10:02 PM | [Permalink](#)

it is a good thing to teach other and make thing clearer to others. but it would be great if others can spend their time and money to enrich their knowledge further, or asking explanation from experts before giving own judgment and interpretation.

keep up the good writings Tun!

9. *The Hidden Secret*

January 9, 2013 at 10:01 PM | [Permalink](#)

Salam!

Mungkin Harun Din konpius sebab...

Idiom Inggeris yang betul adalah... "better the devil you know than the DEVIL you don't know" yang bermaksud... "it is often better to deal with someone or something you are familiar with and know, even if they are not ideal, than take a risk with an unknown person or thing".

<http://www.usingenglish.com/reference/idioms/better+the+devil+you+know.htm>  
!

Memang kompom Harun Din konpius. Tak baik tau Tun ni sebab buat Harun Din konpius.

Saya pun nak tukar lah idiom di atas kepada... "better the ANGEL you DON'T know than the devil you know" yang bermaksud.... "it is often better to deal with someone or something you are NOT familiar with and know, if they are MORE ideal, than take a risk with a known IMPERFECT person or thing".

Mungkin Nik Ajis nak jadi macam Nabi Sulaiman yang pernah mempergunakan syaitan?

[21: 82] And of the devils there were those who would dive for him (to harvest the sea), or do whatever else he commanded them to do. We committed them in his service.

[38: 37] And the devils, building and diving.

Mungkin Nik Ajis overlooked ayat-ayat dibawah?

[17: 53] Tell My servants to TREAT EACH OTHER IN THE BEST POSSIBLE MANNER, for the devil will always try to drive a wedge among them. Surely, the DEVIL IS MAN'S MOST ARDENT ENEMY.

[35: 6] THE DEVIL IS YOUR ENEMY, so TREAT HIM AS AN ENEMY. He only invites his party to be the dwellers of Hell.

Berikut ialah diantara idiom-idiom English lain yang boleh dikaitkan dengan sebahagian ahli-ahli politik BN dan PR untuk renungan kita bersama. Semoga Harun Din tidak lagi konpius sekiranya Tun oter (alter) idiom-idiom ini dimasa hadapan :-

1. Devil can quote Scripture for his own purpose.

"Evil people sometimes try to win the confidence of good people by quoting persuasive passages of Scripture.; Just because someone can quote Scripture to support his or her argument does not mean that the argument is virtuous. (Scripture usually refers to the Bible, but it can refer to other religious writings.)"

2. Devil is not so black as he is painted.

"No one is as bad as people say he is. (Implies that people are saying too many bad things about someone.)"

3. Devil looks after his own.

"Evil people are often prosperous or well taken care of. (Implies that they must be getting their prosperity from the devil, since they are not earning it by being good and deserving.)"

4. Give the devil his due.

"To give your foe proper credit (for something). (This usually refers to a person who has been evil-like the devil.)"

5. Needs must when the devil drives.

"When you are desperate, you must do things you ordinarily would not do."

6. Play (the) devil's advocate.

"To put forward arguments against or objections to a proposition-which one may actually agree with-purely to test the validity of the proposition. (The devil's

advocate opposes the canonization of a saint in order to prove that the grounds for canonization are sound.)”

7. Set a beggar on horseback, and he'll ride to the devil.

“If a poor person becomes wealthy, he or she will quickly become corrupt.”

Sekian.

## 10. *Age\_of\_Enlightenment*

January 9, 2013 at 9:33 PM | [Permalink](#)

Salam Tun,

Saya juga tidak setuju Harun Din menegur orang lain bertaubat, seloah2 dia pula tiada lansung dosa dan kesalahan. Ini perbuatan arrogant, perbuatan atau kata2 seorang yang sombong.

Bagaimanapun, saya juga tidak setuju dengan Tun dalam perenggan

*8. Orang Islam di Malaysia sebenarnya bernasib baik kerana kita semua menganggotai mazhab yang sama, iaitu kita dari mazhab Sunni yang berimam dengan Imam Shafie. Kita tidak sepatutnya berpecah seperti orang Islam di sesetengah negara Islam lain yang berpecah kepada Sunni dan Syiah dan sering bermusuh dan membunuh sesama mereka.*

kerana orang Islam di Malaysia rata2 telah tertipu dan terkeluar dari konsep Islam yang murni dan suci dan Tun serta ramai yang lain tahu dan sedar apa yang saya katakan.

Tiada Nabi yang boleh menolong kaum Melayu dan Islam di Malaysia ini. Akan tetapi yang saya positif sedikit ialah pendidikan atau “education” boleh membawa kepada chahaya kebenaran atau “enlightenment”.

Oleh itu tumpuan kita orang Malaysia seharusnya kepada education. Orang agama, bangsawan dan politik telah menghancurkan system pelajaran di sekolah2 kita, sehingga peratus orang Malaysia yang betul2 berkebolehan telah turun mendadak, dan yang pandai kesemuanya telah berhijrah ke luar negara.

Hasil nya lepasan sekolah dan graduan local di Malaysia tidak laku lansung, tidak boleh melakukan kerja2 selidik dan reka bentuk yang effective untuk dunia zaman ini. Cuma berkebolehan bekerja di 7E dan McD.

Akibatnya, kita masih mundur, masih perlu impot barang2 dari luar, masih perlu belajar dari dunia luar. Tiada apa yang boleh kita ajar pada dunia luar, hanya segelintir kecil hasil R&D.

Jadi apa yang boleh kita banggakan ? Kesemua “bangga” yang di ajukan kerajaan hanya tipu helah belaka, masuk lif naik sendiri. Hakikatnya kita negara ASEAN yang jauh ketinggalan.

Hanya kerajaan PR yang baru dapat mula membetulkan keadaan ini, sebab kerajaan BN sekarang mati2 menafikan adanya masalah ini. Ia di panggil "bodoh sombong".

Terima Kasih Tun

#### 11. *hajar*

January 9, 2013 at 9:00 PM | [Permalink](#)

Salam YAB & diKasihi Tun,

1. Harun Din "ignorant" dalam hal ini kerana tersilap mentafsir makna TERSIRAT "Better the devil you know than the angel you don't". Beliau mesti mohon maaf dari Tun Mahathir. Takkanlah kalau kita kata "sambil menyelam minum air", kita betul-betul maksudkan memang perbuatan menyelam sambil minum air telah dilakukan...

2. Kesemua pemimpin/ahli PAS yang membenarkan kalimah "ALLAH" untuk digunakan dalam bible bersubahat untuk mengelirukan umat Islam bagi tujuan memecah-belahkan umat Islam/Melayu di Malaysia.

3. Saya tidak dapat bayangkan di dalam bible perkataan Tuhan diganti dengan kalimah ALLAH. Mungkin orang PAS tidak prihatin (atau "IGNORANT") bahawa "dalam bible nabi Isa ialah anak Tuhan". Adakah sekarang kita mahu biarkan orang bukan Islam mempersenda kalimah ALLAH dan dalam masa sama mahu orang ramai percaya yang Tuhan mereka yang ada anak sama dengan ALLAH yang esa?

4. Saya rasa pemimpin/ahli PAS sudah semakin "bengong".

Terima kasih Tun.

\*\*\* *Semoga Allah SWT melindungi Tun sekeluarga.* \*\*\*

#### 12. *sibotak*

January 9, 2013 at 7:17 PM | [Permalink](#)

POLITIK BOLIH BERPANDUKAN AGAMA  
KEHIDUPAN KITA BERPANDUKAN AGAMA

AGAMA TIDAK BOLIH DI PENGARUHI NAFSU SESAORANG UNTUK TUJUAN PERIBADI  
SAYA LEMAH BERIMAN, CETEK PENGETAHUAN AGAMA

MELIHAT SENDIRI UCAPAN NIK AZIZ  
UCAPAN PEMIMPIN ISLAM YG MENGGUNAKAN AGAMA UNTUK KEPENTINGAN  
SENDIRI

SAYA RASA TERTIPU  
SAYA RASA TAK PERLU HORMAT PADA MANUSIA SEDEMIKIAN  
YG BERSARBAN, YG BERJUBAH, ADA LEBIH BAIK BELIAU BOGEL SUDAH

AKHLAK DAN KEIMANAN SESAORANG TIDAK TERLETAK PADA SARBAN ATAU  
TUDUNGNYA  
ADA LEBIH BAIK SAYA BERKAWAN HAIWAN DI HUTAN, YG JUGA MAKLUK ALLAH

AGAMA JANGAN DIJADI ALAT POLITIK  
POLITIK BOLIH BERPANDUKAN AGAMA

MANUSIA YG SELALU MENGATA ORANG INI TAK BENAR, ORANG ITU TAK BETUL  
YG BENAR DAN YG TAK BETUL ADALAH DIRI MEREKA SENDIRI

SERUPA  
MANUSIA YG MENGAKU DIRI MEREKA RENDAH DIRI  
SEBENARNYA MEREKALAH MANUSIA SOMBONG DAN BONGKAK

13. [chefais](#)

January 9, 2013 at 5:32 PM | [Permalink](#)

Assalammualaikum Tok Ayah,

Harun din, pernah bersekutu dgn manusia yang mampu menggerakkan bulan dan bintang. Akibatnya RM200 juta dibekukan BNM. katanya halal jikalau hibah mengikut syariat.

Harun din kata umno harus taubat, amboi...konco konconya kenyang makan duit pak man telo. Dia ngan harunsani tak mau tobat ke?

Demi politik, hitam pun jadi putih, putih jadi halimunan.

Politik idea yang kusut dan makin haloba di mata belia.

Ya, baju umno kotor, tetapi sedang dibersihkan dan akan dirombak secara menyeluruh apabila najib razak kecap 2/3 majoriti.

La ni isu kalimah, POPE Benedict dan Vatican ada usulkan ke pakai Kalimah ALLAH di dalam gereja dan berkaitan dgn urusan katolik.

Cobaan yang makin terdesak dan mendesak oleh pakatan rakyat.

Ntah lepas ni apa temberang depa nak jaja. Masih kusutkan kepala dgn perhimpunan aiskrim dan karipap.....

Selama Bersamanya,  
Wassalam  
Chefais

14. [chefais](#)

January 9, 2013 at 5:18 PM | [Permalink](#)

S

15. *thaiso*

January 9, 2013 at 4:39 PM | [Permalink](#)

welcome abomohammad from palestine.

Saya hormat Dato' Harun Din sebagai guru perubatan alternatif Malaysia.

Tetapi untuk berpolitik, seorang ulama memerlukan pengetahuan yang jauh lebih luas. Kejiwaan yang lebih kental dan keberanian disulami sifat pemarah seperti sebuah gunung yang berjaya digenggam menjadi abu.

Kebolehan ini boleh juga dicapai melalui latihan kerohanian dalam perubatan alternatif berkaitan jin seperti kepakaran Dato' Harun Din.

Seperti yang tertulis di dalam buku Imam Al Ghazali Penenang Jiwa, rawatan dan pengubatan... kebanyakan orang yang mengaku cerdik pandai agama menolak unsur unsur nyanyian dan permainan yang mengkhayalkan dan menghabiskan masa...

Tetapi itulah realiti dunia zaman sekarang. Saya termasuk salah seorang yang menghayati melodi dan bunyi-bunyian yang bergema seperti konsert Siti Nurhaliza.

Dan sejarah telah mencatatkan bahawa Salahuddin Al Ayubi menggunakan paluan gendang di medan perang bagi menukarkan strategi untuk menawan kota seperti yang telah dicatatkan dalam hadis.

Dan bunyi bunyian paluan gendang sentiasa menjadi kegemaran saya yang masih terpendam.

Kesimpulannya, ilmu manusia ini hanyalah tak sampai setitik jika dibandingkan dengan kekuasaan Allah s.w.t

16. *PAShit*

January 9, 2013 at 4:36 PM | [Permalink](#)

salam Tun,

Masalah totok2 PAS adalah mereka ini kebanyakannya taksu membabi buta dan akan mempercayai segala tohmahan ular 2 mak dalam semak ini.

Mereka tidak boleh terima kenyataan bahawa sangat ramai ulamak2 muktabar yang menentang ideologi mereka.

MEREKA NI SEMUA SESAT DI JALAN YANG TERANG DAN TIDAK JUMPA JALAN PULANG.

They wont accept the truth even if it is shoved up their ass.

PAShit

17. *abomohammad*

January 9, 2013 at 3:52 PM | [Permalink](#)

Dear sir :

I am from palestine , and happy to join your sit . I like read every thing about you to learn and expand my knowledge, your written in english help me to rich my goal , I would be happy if your writtin in malya translated to english, so i and others around the world get a chance to learn from you . with my full respect

18. *sudin*

January 9, 2013 at 1:28 PM | [Permalink](#)

Salam Tun.

Akhinya kedengaran juga kata2 dari 'ghostbuster' Malaysia tu, tapi bak kata pepatah "kuman seberang laut nampak, gajah depan mata tak nampak!"

Sepatutnya Harun Din bersihkan rumah sendiri dulu dengan memberi pendapat/nasihat tentang kemuskilan yang di timbulkan bos2 nya dalam PAS perihal ratusan perkara yang memesongkan ummah.

Memang sudah lama saya menunggu kenyataan dari Harun Din mengenai perkara2 berikut:

1. Dakwaan UMNO kafir,
2. Si Mat Sabu ditangkap terang2an sedang berkhalwat,
3. Anwar & Lizzy Wong mengadap tok guru(?) N. Ajis perihal porno dan video lucah,
4. Melayu diKristiankan,
5. Tok guru(?) N. Ajis menuduh Tuhan mencarut,
6. Ustaz(?) Hadi menuduh Nabi pengkhianat bangsa,
7. Tok guru(?) berpelukan dengan si kafir kuan yew & kit siang, dll.

Tapi sebaliknya bila Harun bersuara terus membuat tuduhan tanpa usul periksa!! Apalah nak jadi dengan mereka2 yang konon2nya dianggap ulama PAS ni, tak henti2 nak mengelirukan & memecahbelahkan ummah!

Ingatkan Harun boleh memberi pandangan yang bernas, tapi mengeruhkan keadaan bila orang2 Islam yang amat memerlukan bimbingan di putarbelitkan dengan mainan politiknya!!

1. [Tun M: Harun Din salah sangka, harus saran Nik Aziz taubat](#) on [January 10, 2013 at 3:36 PM](#)

Source: <http://chedet.cc/?p=44>